



KENYATAAN MEDIA

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhasrat untuk menjadikan Jalan Tuanku Abdul Rahman (Jalan TAR) sebagai kawasan pejalan kaki. Hasrat ini adalah sebahagian dari projek River Of Life. Kawasan yang terlibat sebagai kawasan pejalan kaki tersebut adalah bermula dari Jalan Isfahan (bersebelahan SOGO) sehingga ke Jalan Melayu.

Bagi melaksanakan hasrat ini, satu tempoh percubaan akan dilaksanakan di mana kawasan ini akan ditutup kepada semua kenderaan persendirian pada hari Sabtu dan Ahad serta hari cuti umum dari jam 8 pagi sehingga jam 12 tengah malam. Ia akan berjalan selama sebulan mulai 1 April 2019 ini selepas pewartaan keputusan ini dikeluarkan.

Ketika jalan ini ditutup, hanya bas, taxi, bomba, ambulans dan polis serta kenderaan penguatkuasaan sahaja yang akan dibenarkan melalui jalan ini.

Dalam masa yang sama, DBKL akan memastikan Lorong Tuanku Abdul Rahman dan Lorong Gombak (di kiri dan kanan Jalan TAR) dikosongkan sepenuhnya dari penjaja dan halangan. Ia bertujuan untuk membolehkan kerja-kerja pemunggahan dan penghantaran bekalan dapat berjalan seperti biasa.

Para penjaja yang sah di kawasan terlibat akan dipindah ke kawasan lain di sekitar Jalan TAR selepas kios-kios dibina untuk kegunaan mereka.

Dalam usaha untuk membersihkan Lorong TAR, maka Pasar Malam dan Bazaar Ramadhan di situ akan dipindahkan ke lokasi baru yang akan diumumkan selepas ini.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membuat keputusan ini khasnya Persatuan Peniaga Batu Road (Barra) dan Persatuan Peniaga Jalan Masjid India (Miba) serta para

peniaga dan orang ramai yang memberikan maklum balas sehingga keputusan ini dibuat.

Saya yakin, keputusan ini akan memberikan kebaikan untuk semua serta memajukan lagi kawasan Jalan TAR sebagaimana majunya kawasan segi tiga emas di Bukit Bintang.

KHALID ABD SAMAD
Menteri Wilayah Persekutuan
Pada 12 Mac 2019